

Institusi kuat bukan kerana siapa yang sedang berkuasa

• Seorang Perdana Menteri yang menyokong had terhadap tempoh jawatannya sendiri sebenarnya menerima prinsip kuasa eksekutif perlu dibatasi institusi, bukan semata-mata bergantung pada budi bicara individu

• Begitu juga dengan pengasingan Peguam Negara dan Pendakwa Raya. Reformasi ini menyentuh prinsip asas kebebasan pendakwaan kerana fungsi penasihat undang-undang kerajaan mahu dibezakan daripada fungsi menentukan sesuatu pendakwaan jenayah



Oleh Prof Dr Harlida Abdul Wahab
bhrencana@bh.com.my

Penolong Naib
Canselor UUM
College of Law,
Government and
International Studies
(COLGIS) merangkap
Dekan Pusat
Pengajian
Undang-Undang
(SoL), Universiti
Utara Malaysia

Reformasi undang-undang antara asas penting dalam pembinaan negara demokratik berintegriti, telus dan akauntabiliti. Dalam konteks Malaysia, agenda itu kini diberikan struktur lebih tersusun melalui Pelan Strategik Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) 2026-2030.

Dokumen ini meletakkan BHEUU sebagai peneraju reformasi dasar perundangan dan institusi dengan matlamat memperkukuh kedaulatan undang-undang demi kesejahteraan negara. Kerangkanya dibangunkan melalui tiga teras, iaitu Pemangkin Reformasi Perundangan Negara; Pengukuhan Pelaksanaan dan Penyampaian Perundangan; serta Pengukuhan Keupayaan Digital dan Tadbir Urus Organisasi.

Pendekatan ini penting kerana reformasi perundangan kerajaan tidak seharusnya difahami sekadar sebagai usaha menggubal lebih banyak undang-undang. Reformasi substantif membabitkan pembaharuan terhadap struktur negara, sistem semak dan imbang, kebebasan institusi, hak asasi manusia, keadilan jenayah, akses kepada keadilan dan ketelusan pentadbiran.

Malah, kerangka BHEUU mengandungi 10 strategi dan 39 program diselaras dengan Malaysia MADANI, Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13), Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam dan Matlamat Pembangunan Mampan. Hal ini memperlihatkan usaha menjadikan reformasi perundangan sebahagian daripada kerangka pembangunan negara dan bukan hanya agenda yang bergerak secara terasing.

Antara agenda paling signifikan ialah pengubahan undang-undang baharu berkaitan kebebasan maklumat, ombudsman, pendanaan politik, koroner, keupayaan mental dan Parlimen berpenggal tetap, selain reformasi hukuman termasuk cadangan pemansuhan sebatan mandatori.

Pelan itu turut menyenaraikan semakan terhadap Perlembagaan Persekutuan berhubung pengasingan fungsi Peguam Negara dan Pendakwa Raya serta pengehadan tempoh jawatan Perdana Menteri di samping pembaharuan undang-undang berkaitan perlindungan pemberi maklumat, kesalahan pilihan raya, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) dan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (SPK).

Agenda ini mempunyai hubungan langsung dengan iltizam reformasi Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Dalam Amanat Tahun Baharu pada 5 Januari 2026, Anwar bukan sahaja berbicara mengenai pembaharuan secara umum, malah menggariskan dengan jelas beberapa reformasi institusi

yang mahu dilaksanakan. Beliau mengingatkan pentadbiran supaya melakukan pembaharuan ketika mempunyai kuasa dengan seruan, "Lakukanlah 'Is-lah mastata' tu' sedaya upaya pembaharuan."

Lebih penting, Anwar kemudian menetapkan empat agenda utama, iaitu pengasingan fungsi Pendakwa Raya daripada Peguam Negara, pengehadan tempoh jawatan Perdana Menteri kepada maksimum 10 tahun atau dua penggal penuh, penubuhan Ombudsman Malaysia serta penggubalan undang-undang Kebebasan Maklumat.

Dalam ucapan sama, Anwar menjelaskan Ombudsman sebagai institusi yang membolehkan rakyat mempersoalkan pentadbiran dan menegaskan sesiapa sahaja, termasuk Perdana Menteri, perlu tertakluk kepada akauntabiliti.

Pendirian itu penting dari perspektif perlembagaan. Seorang Perdana Menteri yang menyokong had terhadap tempoh jawatannya sendiri sebenarnya menerima prinsip kuasa eksekutif perlu dibatasi institusi, bukan semata-mata bergantung pada budi bicara individu.

Pelaksanaan perlu sokongan majoriti dua pertiga Usaha meminda Perlembagaan untuk tujuan itu dibawa ke Parlimen dan kemudiannya dibentangkan semula, tetapi pelaksanaannya memerlukan sokongan majoriti dua pertiga.

Begitu juga dengan pengasingan Peguam Negara dan Pendakwa Raya. Reformasi ini menyentuh prinsip asas kebebasan pendakwaan kerana fungsi penasihat undang-undang kerajaan mahu dibezakan daripada fungsi menentukan sesuatu pendakwaan jenayah.

Prosesnya membabitkan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen, pakar perundangan, ahli akademik serta masyarakat sivil, termasuk penelitian terhadap kaedah pelantikan Pendakwa Raya, penamatannya dan bentuk akauntabiliti kepada Parlimen.

Dalam menterjemahkan komitmen politik Anwar kepada pelaksanaan pentadbiran, Menteri di Jaba-

tan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said, wajar diberikan pengiktirafan.

Dalam amanat beliau kepada BHEUU pada awal 2026, Azalina menegaskan 2026 mesti menjadi tahun pemantapan, pelaksanaan dan penyampaian, dengan reformasi yang dimulakan diterjemahkan kepada kesan nyata terhadap kehidupan rakyat.

Rekod pelaksanaan sebelumnya juga menunjukkan kemajuan. Dalam jawapan di Dewan Negara pada Julai 2026, Azalina menyatakan bahawa sebanyak 21 inisiatif reformasi utama dilaksanakan sejak 2022 hingga 2025, termasuk pemansuhan hukuman mati mandatori, pemulihan autonomi Parlimen dan pengukuhan akses kepada keadilan.

Akta Perkhidmatan Parlimen 2025 khususnya mempunyai nilai institusi yang besar kerana ia memulihkan perkhidmatan Parlimen yang tersendiri. Dalam demokrasi berparlimen, Parlimen tidak seharusnya hanya dilihat sebagai tempat kerajaan mendapatkan kelulusan undang-undang, tetapi sebagai institusi bebas yang menyemak dan mengimbangi tindakan eksekutif.

Agenda Kebebasan Maklumat pula bergerak ke arah memberikan hak akses yang lebih jelas kepada maklumat yang berada dalam kawalan pihak berkuasa awam. Proses penggubalannya membabitkan penelitian teknikal bersama Jabatan Peguam Negara, pakar perlembagaan, pertubuhan masyarakat sivil, Badan Peguam dan ahli akademik.

Satu lagi dimensi utama ialah akses kepada keadilan dan perlindungan hak. Pelan BHEUU memajukan pengukuhan hak asasi manusia serta peningkatan akses kepada sistem keadilan sebagai sebahagian strategi rasmi.

Kajian reformasi turut merangkumi undang-undang jenayah, Akta Koroner, hukuman mati, sebatan mandatori, kebolehlaksanaan Tribunal Hak Asasi Manusia dan pembangunan Indeks Kedaulatan Undang-Undang.

Sebagai penyelesaian, BHEUU mencadangkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) berasaskan impak, pementaian berasaskan data, penggunaan teknologi dan kecerdasan buatan (AI) serta libat urus yang lebih luas.

Jika agenda ini berjaya disempurnakan, sumbangan terbesar kepimpinan Anwar bukan sekadar menggubal beberapa undang-undang baharu, tetapi menginstitusikan reformasi sehingga ia kekal berfungsi melampaui hayat sesebuah kerajaan atau seseorang Perdana Menteri.

Inilah ukuran paling bermakna bagi kedaulatan undang-undang, iaitu institusi yang kuat bukan kerana siapa yang sedang berkuasa, tetapi kerana sistemnya cukup kukuh untuk memastikan sesiapa pun yang berkuasa tetap tertakluk kepada undang-undang.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

Kajian reformasi turut merangkumi undang-undang jenayah, Akta Koroner, hukuman mati, sebatan mandatori, kebolehlaksanaan Tribunal Hak Asasi Manusia dan pembangunan Indeks Kedaulatan Undang-Undang